

# Hari Malaysia hidup semangat patriotik, perpaduan

BERITA HARIAN 17/9/18 m/s 5

**Kuala Lumpur:** Hari Malaysia seharusnya diisytiharkan sebagai 'Hari Perpaduan' bagi mencerminkan aspirasi semua rakyat Malaysia untuk bersatu menghadapi sebarang kemungkinan.

Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Negara, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata sambutan Hari Malaysia di Sabah, Sarawak dan Semenanjung juga akan berasa semakin dekat menerusi semangat integrasi dan perpaduan nasional.

"Tatkala kita meraikan ulang tahun ke-55 pembentukan Malaysia pada 16 September, saya berharap seluruh rakyat terus memupuk keharmonian, integrasi dan perpaduan yang menjadi asas penting kejayaan negara berbilang kaum seperti Malaysia.

"Sabah dan Sarawak adalah contoh nyata dan praktikal perpaduan dalam kepelbagaian apabila rakyat pelbagai kumpulan etnik dapat hidup, belajar, bekerja serta bermain bersama secara harmoni," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

## Medium penyatuan rakyat

Lam Thye berkata, sambutan Hari Malaysia adalah antara program membolehkan rakyat Malaysia menghidupkan kembali semangat patriotik yang amat penting bagi membina perpaduan negara berbilang bangsa.

"Ia seharusnya menjadi medium penyatuan rakyat pelbagai kaum mencapai impian dan kejayaan negara.

"Saya percaya menjadi rakyat Malaysia tidak akan mengikis identiti kita sebagai seorang Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan sebagainya.

"Kita sepatutnya menerima satu sama lain sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama serta berbangga memperkenalkan diri sebagai rakyat Malaysia, kerana ia mampu memupuk semangat patriotisme dan meningkatkan perpaduan.

"Walaupun hubungan etnik di negara ini memuaskan, kita tidak mengambil mudah soal keharmonian antara kaum dan agama," katanya.

Lam Thye berkata, pembentukan Malaysia yang bersatu-padu adalah proses berterusan dan apa yang sudah dicapai setakat ini mesti dipupuk dan dipertingkatkan.



Sambutan  
Hari Malaysia  
di Sabah,  
Sarawak dan  
Semenanjung  
juga akan

berasa semakin dekat menerusi